

Imbasan

Kewangan sektor awam terus kukuh dengan pengurusan kewangan yang berhemat...

Kewangan Sektor Awam kekal kukuh meskipun Kerajaan Persekutuan mengamalkan dasar fiskal berkembang bagi menyokong pemulihan dan pertumbuhan ekonomi. Memandangkan asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh, defisit yang dicatatkan masih mapan dan tidak membawa risiko kepada ekonomi. Defisit yang kini memasuki tahun kelima, dibiayai kebanyakannya melalui sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi. Perbelanjaan Kerajaan adalah tertumpu kepada menggalakkan permintaan agregat bagi menyokong pemulihan dan pertumbuhan dalam jangka pendek serta menggalakkan produktiviti dan keupayaan ekonomi dalam jangka sederhana dan panjang. Dasar dan amalan kewangan berhemat yang diamalkan Kerajaan telah memastikan kemapanan dan fleksibiliti fiskal di dalam pengurusan kewangan sektor awam.

Operasi Dasar Fiskal 2002

Dasar fiskal bertujuan untuk memupuk pertumbuhan dalam jangkamasa terdekat dan meningkatkan kapasiti dan produktiviti dalam jangka sederhana dan panjang...

Belanjawan 2002, walaupun berkembang sederhana bagi menyokong momentum pertumbuhan, adalah bertujuan untuk mencapai konsolidasi fiskal dengan anggaran defisit belanjawan yang lebih rendah sebanyak 5.1% daripada KDNK (2001: 5.5%). Ini adalah selaras dengan matlamat jangka sederhana untuk mencapai belanjawan berimbang menjelang tahun

2005 seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia ke Lapan, 2001-2005. Pertumbuhan ekonomi global yang perlahan berserta dengan risikonya memerlukan sokongan perbelanjaan awam yang berterusan untuk memacu ekonomi negara. Oleh yang demikian, peruntukan tambahan bagi kedua-dua perbelanjaan pembangunan dan mengurus telah disediakan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan. Walaupun terdapat peruntukan tambahan sepanjang tahun, prestasi hasil yang terus baik dijangka dapat membantu menghadkan defisit kepada 4.7% KDNK berbanding dengan anggaran belanjawan sebanyak 5.1%.

Strategi Belanjawan yang menggabungkan langkah-langkah fiskal melalui peruntukan yang lebih tinggi bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta langkah percukaian telah memainkan peranan utama bagi memupuk kestabilan dan daya tahan ekonomi Malaysia. Dasar ini telah dapat merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri dan mengekalkan pertumbuhan KDNK tahun 2001 di tahap positif. Di samping itu, penggunaan dan pelaburan awam dianggar menyumbang 1.3 mata peratusan kepada 4%-5% pertumbuhan KDNK yang dijangka dalam tahun 2002.

Langkah-langkah fiskal pada tahun 2002 mempunyai dua matlamat iaitu untuk meningkatkan penggunaan dalam jangka masa terdekat serta membina keupayaan, meningkatkan daya saing dan produktiviti dalam jangka sederhana dan panjang. Bagi tujuan ini, pelarasan gaji kakitangan Kerajaan, peningkatan elaun kategori tertentu kakitangan awam dan anggota tentera serta projek-projek kecil yang boleh dilaksanakan segera atau dalam jangkamasa pendek, telah diberi penekanan bagi meningkatkan permintaan agregat. Bagi perbelanjaan untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti jangka panjang, seperti juga pada

tahun-tahun sebelumnya, tumpuan adalah ke atas pendidikan dan pembangunan sumber manusia, mempertingkatkan keupayaan infrastruktur serta memperbaiki sistem bagi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos pengendalian.


Walaupun dasar fiskal mengembang memasuki tahun kelima berturut-turut semenjak tahun 1998, defisit ini tidak membawa kepada ketidakseimbangan atau ketidakstabilan makroekonomi. Lebihan fiskal yang dicatatkan pada tahun-tahun prestasi ekonomi yang lebih baik serta pengurusan dan amalan berhemat telah memberikan Kerajaan fleksibiliti dalam menguruskan dasar fiskalnya dan mampu membiayai defisit untuk tahun kelimanya.

Fleksibiliti fiskal dapat dilaksanakan dalam keadaan di mana kedudukan akaun semasa Kerajaan Persekutuan sentiasa mencatatkan

lebihan dengan kutipan hasil melebihi perbelanjaan mengurus, seperti di Carta 3.1. Kini, hasil yang mencatat 23.5% daripada KDNK adalah lebih tinggi daripada perbelanjaan mengurus yang mencatat 18.8% daripada KDNK. Fleksibiliti fiskal juga disokong oleh lebihan di dalam imbalan pembayaran yang menyediakan ruang untuk Kerajaan meminjam daripada sumber dalam negeri. Defisit fiskal terus dibiayai sebahagian besarnya melalui sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi seperti kumpulan wang simpanan, pencen dan insuran yang tidak memberi tekanan ke atas harga pengguna dan kadar faedah dalam negeri. Langkah-langkah lain yang diperkenalkan untuk meningkatkan fleksibiliti fiskal termasuk memperbaiki proses pentadbiran dan kutipan hasil yang akan mengurangkan atau meminimumkan kebocoran hasil serta pelaksanaan Sistem Taksiran Tahun Semasa (STTS) yang membolehkan hasil dan perbelanjaan dipadankan.

Berhubung dengan kemapanan fiskal, nisbah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK kekal rendah mengikut piawaian antarabangsa. Perbelanjaan fiskal adalah disasarkan untuk menjana produktiviti jangka panjang dan seterusnya merangsang KDNK dan hasil yang lebih tinggi bagi menampung peningkatan tanggungan hutang. Peningkatan pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan dijangka akan meningkatkan hutang Kerajaan Persekutuan kepada RM167,835 juta atau 47.2% kepada KDNK pada akhir tahun 2002. Walau bagaimanapun, bayaran khidmat hutang iaitu bayaran faedah sebagai peratusan kepada perbelanjaan mengurus kekal rendah pada 14.6% (2001: 15.1%) atau 2.7% daripada KDNK.

Secara keseluruhannya, keberkesanan dasar fiskal juga disokong oleh dasar dan strategi lain yang akan terus mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi Malaysia. Sehubungan dengan itu, penetapan kadar pertukaran matawang yang stabil, kadar tabungan yang tinggi, kadar inflasi yang rendah, lebihan dalam imbalan pembayaran yang kukuh, hutang luar yang rendah dan rizab antarabangsa yang tinggi telah membantu melengkapkan kejayaan dasar fiskal ini.



Kerajaan Persekutuan

Hasil yang lebih baik membantu menghadkan defisit walaupun pertambahan perbelanjaan berlaku sepanjang tahun untuk mengekalkan momentum pertumbuhan...

Pemulihan awal sektor luar walaupun mengalami tanda-tanda kelembapan pada pertengahan tahun 2002, telah mendorong Kerajaan untuk melaksanakan belanjawan mengembang secara sederhana di samping mengekalkan teras konsolidasi. Bagi tahun 2002, kedudukan kewangan keseluruhan dijangka mencatat defisit sebanyak 4.7% KDNK (2001: 5.5% kepada KDNK), seperti di Jadual 3.1, lebih baik daripada anggaran belanjawan sebanyak 5.1% yang dibuat pada bulan Oktober yang lalu, walaupun terdapat peruntukan tambahan bagi perbelanjaan

pembangunan dan mengurus. Kutipan hasil yang terus baik telah dapat mengurangkan defisit fiskal.

Hasil

Hasil sebagai peratusan kepada KDNK telah kembali pulih ke tahap pencapaian sebelum krisis...

Prestasi hasil yang kukuh dijangka berterusan selaras dengan pertumbuhan KDNK yang lebih baik dalam tahun 2002 walaupun pertumbuhannya adalah lebih perlahan. Setelah meningkat dengan ketara sebanyak 28.6% dalam tahun 2001, hasil bagi tahun 2002 dijangka bertambah sebanyak 5%, seperti di Jadual 3.2. Walaupun peratus peningkatan tahunan adalah sederhana, paras RM83,550 juta dalam tahun 2002 adalah tinggi selepas mengambilkira asas yang tinggi pada tahun lepas. Kebanyakan kategori hasil cukai,

JADUAL 3.1

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003
Hasil	79,567	83,550	89,793	28.6	5.0	7.5
Perbelanjaan mengurus	63,757	66,706	71,737	12.8	4.6	7.5
Baki semasa	15,810	16,844	18,056	197.3	6.5	7.2
Perbelanjaan pembangunan kasar	35,235	35,342 ⁴	34,963 ⁴	26.1	0.3	-1.1
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,003	1,700	2,000	-65.5	69.5	17.6
Perbelanjaan pembangunan bersih	34,232	33,642	32,963	36.8	-1.7	-2.0
Baki keseluruhan	-18,422	-16,798	-14,907	-6.6	-8.8	-11.3
% kepada KDNK	-5.5	-4.7	-3.9			

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.


³ Belanjawan disemak, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

⁴ Tidak mengambil kira RM2,000 juta tabung luar jangka.



terutamanya cukai langsung dijangka mencatat peningkatan. Hasil bukan cukai, sebagai satu kumpulan dijangka turun berikutan kutipan royalti petroleum dan pendapatan pelaburan yang lebih rendah disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih kecil beserta harganya yang lebih rendah. Secara keseluruhan, nisbah jumlah hasil kepada KDNK dianggar kekal pada 23.5% (2001: 23.8%). Dengan demikian, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan kini lebih tinggi daripada purata 19.2% semasa tahun krisis dari 1998 hingga 2000 dan kembali ke tahap kutipan sebelum krisis iaitu 23.3% pada tahun 1997.

Selaras dengan pemulihan ekonomi dan pelaksanaan STTS, prestasi kutipan hasil cukai langsung dijangka terus meningkat. Tindakan tegas terhadap mereka yang mengelak membayar cukai dan mereka yang masih mempunyai tunggakan terus menyumbang ke arah kutipan



hasil yang lebih baik. Operasi bancian yang dilakukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengenal pasti pembayar cukai baru juga membantu meningkatkan prestasi kutipan hasil. Kutipan cukai pendapatan syarikat, yang menyumbang 56.6% kepada jumlah hasil telah meningkat dengan ketara sebanyak 25.7%, seperti di Jadual 3.3, berikutan prestasi sektor korporat yang lebih baik. Di samping itu, kutipan cukai pendapatan individu juga meningkat sedikit selaras dengan kenaikan keseluruhan pendapatan walaupun kadar cukai pendapatan adalah lebih rendah seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2002. Cukai pendapatan petroleum yang berasaskan pendapatan tahun sebelumnya, dijangka berkurangan berikutan harga petroleum mentah yang lebih rendah iaitu secara purata USD24.92 setong dalam tahun 2001 (asas cukai untuk tahun 2002) berbanding USD30.18 setong dalam tahun 2000.

JADUAL 3.2

Hasil Kerajaan Persekutuan 2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Hasil cukai	61,491	67,472	73,114	30.4	9.7	8.4	77.3	80.8	81.4
Cukai langsung	42,098	46,125	50,587	44.4	9.6	9.7	52.9	55.2	56.3
Cukai tidak langsung	19,393	21,347	22,527	7.6	10.1	5.5	24.5	25.5	25.1
Hasil bukan cukai	18,076	16,078	16,679	23.0	-11.1	3.7	22.7	19.2	18.6
Jumlah hasil	79,567	83,550	89,793	28.6	5.0	7.5	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	23.8	23.5	23.4						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

JADUAL 3.3

Cukai Langsung Kerajaan Persekutuan 2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Cukai pendapatan	40,137	43,932	48,043	48.6	9.5	9.4	95.3	95.2	95.0
Syarikat	20,771	26,100	28,594	49.4	25.7	9.6	49.3	56.6	56.5
Individu	9,436	10,416	11,735	34.5	10.4	12.7	22.4	22.6	23.2
Petroleum	9,859	7,334	7,628	64.0	-25.6	4.0	23.4	15.9	15.1
Koperasi	71	82	86	-18.4	15.5	4.9	0.2	0.2	0.2
Lain-lain	1,961	2,193	2,544	-8.3	11.8	16.0	4.7	4.8	5.0
Duti setem	1,649	1,800	2,081	-8.3	9.2	15.6	3.9	3.9	4.1
Lain-lain	312	393	463	-8.2	26.0	17.8	0.7	0.9	0.9
Jumlah	42,098	46,125	50,587	44.4	9.6	9.7	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	12.6	13.0	13.2						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

Prestasi hasil cukai tidak langsung dijangka meningkat berikutan kutipan cukai jualan yang bertambah baik disebabkan kenaikan harga produk-produk dan cukai jualan yang lebih tinggi berasaskan petroleum, seperti di Jadual 3.4. Sementara itu, jualan kenderaan bermotor yang memberangsangkan juga dijangka menyebabkan peningkatan dalam kutipan duti eksais. Kutipan duti eksais dan import yang menggalakkan juga berpunca daripada kutipan duti ke atas tembakau dan rokok yang lebih tinggi. Kenderaan bermotor menyumbang 67.8% kepada jumlah duti eksais sementara tembakau dan rokok menyumbang 19.7%. Bagi cukai perkhidmatan pula, semakan menyeluruh dari segi thresholds dan liputan telah dikemukakan dalam Belanjawan 2002 dan telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2002. Kutipan cukai perkhidmatan adalah lebih tinggi berikutan thresholds yang lebih rendah bagi setiap syarikat yang dikehendaki membayar cukai perkhidmatan serta liputan yang lebih luas terhadap jenis-jenis perkhidmatan yang dikenakan cukai. Kutipan duti

eksport dijangka sederhana berikutan harga minyak dan jumlah eksport yang lebih rendah pada 2002.

Kutipan hasil cukai keseluruhan dijangka meningkat sebanyak 9.7% dan menyumbang 80.8% kepada jumlah hasil. Sebaliknya, hasil bukan cukai dijangka berkurangan sebanyak 11.1%, seperti di Jadual 3.5 dan peratus sumbangannya menurun kepada 19.2% (2001: 22.7%). Hasil daripada lesen dan permit sebagai satu kumpulan juga dijangka berkurangan terutamanya disebabkan kutipan royalti petroleum yang berkurangan berikutan pengeluaran dan harga yang lebih rendah. Kutipan cukai jalan yang lebih tinggi berikutan jualan kenderaan bermotor yang terus menggalakkan dijangka dapat mengurangkan kejatuhan kutipan keseluruhan lesen dan permit. Pendapatan dividen dan pelaburan adalah lebih rendah berikutan pembayaran dividen yang lebih kecil oleh Bank Negara Malaysia.

JADUAL 3.4

Cukai Tidak Langsung Kerajaan Persekutuan 2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Duti eksport	867	821	863	-16.0	-5.3	5.1	4.5	3.8	3.8
Duti import	3,193	3,385	3,513	-11.3	6.0	3.8	16.5	15.9	15.6
Duti eksais	4,129	4,272	4,349	8.6	3.5	1.8	21.3	20.0	19.3
Cukai jualan	7,356	9,016	9,286	23.3	22.6	3.0	37.9	42.2	41.2
Cukai perkhidmatan	1,926	2,167	2,450	13.2	12.5	13.1	9.9	10.2	10.9
Lain-lain	1,922	1,686	2,066	0.4	-12.3	22.5	9.9	7.9	9.2
Jumlah	19,393	21,347	22,527	7.6	10.1	5.5	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	5.8	6.0	5.9						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

JADUAL 3.5

Hasil Bukan Cukai Kerajaan Persekutuan 2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Lesen/permit	5,995	5,490	5,708	8.1	-8.4	4.0	33.2	34.1	34.2
Perkhidmatan/ bayaran	621	693	708	7.8	11.6	2.2	3.4	4.3	4.2
Pendapatan pelaburan	10,056	8,205	8,450	36.2	-18.4	3.0	55.6	51.0	50.7
Lain-lain	1,404	1,690	1,813	18.7	20.4	7.3	7.8	10.5	10.9
Jumlah	18,076	16,078	16,679	23.0	-11.1	3.7	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	5.4	4.5	4.3						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

Dasar Perbelanjaan

Perbelanjaan bertujuan untuk mempertingkatkan penggunaan dalam jangkamasa terdekat dan mengekalkan produktiviti dan daya saing dalam jangka panjang...

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 3.1% kepada RM102,048 juta untuk menyokong pemulihan ekonomi. Sejar dengan strategi Belanjawan 2002 ke arah mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi, meningkatkan daya tahan serta daya saing sektor swasta, mempelbagaikan sumber pertumbuhan dan memastikan pengagihan kekayaan yang lebih seimbang, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan ditumpukan kepada objektif jangka pendek bagi meningkatkan penggunaan dan objektif jangka panjang bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing untuk menjamin pertumbuhan yang mapan. Perbelanjaan ini disokong oleh pelbagai insentif fiskal. Sehubungan dengan ini, pengurangan kadar cukai pendapatan individu, penghapusan had kenaan cukai bagi bayaran bonus serta pengurangan dan penghapusan duti import ke

atas barangan terpilih telah membantu meningkatkan penggunaan dan permintaan agregat. Mengenai langkah percukaian untuk meningkatkan daya saing dan mengurangkan kos pengendalian perniagaan, elaun pelaburan semula dan lain-lain insentif cukai telah disemak semula dan liputannya diperluaskan lagi untuk menggalakkan pelaburan dan mempromosikan industri hiliran berasaskan pertanian. Insentif-insentif lain termasuk pengecualian cukai terhadap bayaran royalti dan perbelanjaan ke atas peralatan pendidikan oleh institusi-institusi pendidikan serta pengecualian duti eksais ke atas pembelian kereta nasional untuk disewakan adalah bertujuan untuk menggalakkan sektor perkhidmatan seperti pendidikan dan pelancongan.


Selain daripada perbelanjaan yang lebih tinggi dan insentif cukai yang lebih luas, prosedur pelaksanaan telah disemak dan pembayaran dipercepatkan untuk memastikan perbelanjaan fiskal memberi kesan yang dikehendaki ke atas ekonomi. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan akan sentiasa memantau perkembangan pelaksanaan projek untuk memastikan kelewatan yang minimum serta pematuhan kepada jadual kerja. Prosedur, peraturan dan garis panduan

yang berhubungkait dengan pelaksanaan projek pembangunan serta pembayaran kepada kontraktor telah disemak dan dipermudahkan untuk mempercepatkan pelaksanaan dan pembayaran. Sehubungan ini, satu jawatankuasa khas akan menilai status projek yang masih belum bermula selepas tiga bulan diluluskan atau tidak mencapai tahap 30 peratus daripada jadual yang ditetapkan. Sekiranya perlu, projek yang tertangguh ini akan ditamatkan kontraknya dan jawatankuasa tersebut akan melantik kontraktor baru bagi mempercepatkan pelaksanaan dan mengawal peningkatan kos. Di samping itu, agensi pelaksana juga diberi kuasa untuk meluluskan tender yang bernilai lebih besar sementara kontraktor yang diberikan projek akan diberi bayaran pendahuluan bagi memudahkan pelaksanaan projek pada peringkat awal. Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, kurang belanja (shortfall) bagi tahun 2002 dijangka kekal kecil seperti pada 2001 di mana kurang belanja untuk perbelanjaan mengurus adalah 1.6% dan pembangunan 3.9%.

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus memberi kesan serta merta di dalam meningkatkan permintaan agregat...

Bagi mengekalkan permintaan dalam negeri melalui peningkatan penggunaan sektor awam, perbelanjaan mengurus dijangka terus meningkat sebanyak 4.6% dalam tahun 2002, seperti di Jadual 3.6 (2001: 12.8%). Jumlah emolumen dijangka meningkat sebanyak 4.5%. Pelarasan gaji 10% bagi kakitangan awam, perlanjutan umur persaraan daripada 55 kepada 56 tahun dan peningkatan elaun lebih masa bagi doktor serta ganjaran dan imbuhan bagi anggota tentera dan polis telah memberi kesan langsung di dalam meningkatkan penggunaan. Sebaliknya, bayaran ganjaran berkurangan sedikit berikutan perlanjutan umur persaraan daripada 55 kepada 56 tahun. Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan terus meningkat terutamanya berpunca daripada peningkatan aktiviti pembaikan dan penyelenggaraan serta peningkatan perolehan



berkaitan aplikasi perdana e-kerajaan dan bayaran perkhidmatan ikhtisas bagi memperbaiki dan menaiktaraf perkhidmatan awam. Di samping itu, skim khas untuk siswazah menganggur, khususnya bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang sains, matematik, komputer dan bahasa serta latihan sambil bekerja di jabatan dan agensi kerajaan melalui skim sangkutan dan latihan di bawah program rangsangan fiskal tahun lepas dijangka meningkatkan bayaran bekalan dan perkhidmatan sebanyak 10.8% (2001: 45.4%). Bayaran khidmat hutang untuk pinjaman dalam dan luar negara dijangka meningkat sedikit sebanyak 0.8% pada 2002. Sebagai peratusan kepada jumlah perbelanjaan mengurus, ia kekal rendah pada tahap 14.6% dan lebih baik jika dibandingkan dengan 15.1% pada tahun sebelumnya. Perbelanjaan subsidi untuk disel dan gas asli cecair (LPG), beras, baja, buku teks serta program bantuan makanan berkhasiat untuk pelajar sekolah dijangka meningkat sedikit iaitu 2.1%.

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan ditumpukan untuk meningkatkan kecekapan, memperbaiki tahap sosial di samping menyediakan persekitaran untuk sektor swasta berdaya saing...

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2002 dijangka mengembang dengan kecil sebanyak 0.3% selepas peningkatan ketara sebanyak 26.1% pada 2001, seperti di Jadual 3.7. Perbelanjaan pembangunan terus ditumpukan untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan bagi menyediakan persekitaran yang dapat menggalakkan daya saing dan kecemerlangan sektor swasta termasuklah langkah-langkah yang dapat mengurangkan kos kendalian perniagaan seperti penyediaan utiliti pada kos yang munasabah, infrastruktur yang baik dan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan. Sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan

JADUAL 3.6

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Emolumen	17,443	18,232	19,727	6.6	4.5	8.2	27.4	27.3	27.5
Bayaran khidmat hutang	9,634	9,710	8,868	6.4	0.8	-8.7	15.0	14.6	12.4
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	2,012	2,189	2,534	-3.1	8.8	15.8	3.2	3.3	3.5
Pencen dan ganjaran	4,711	4,486	4,408	12.5	-4.8	-1.7	7.4	6.7	6.1
Bekalan dan perkhidmatan	10,703	11,854	14,253	45.4	10.8	20.2	16.8	17.8	19.9
Subsidi	4,552	4,646	3,936	-5.6	2.1	-15.3	7.1	7.0	5.5
Pemberian kepada badan-badan berkanun ⁴	5,312	5,833	6,807	41.8	9.8	16.7	8.3	8.7	9.5
Bayaran balik	1,776	2,376	2,731	-25.5	33.8	14.9	2.8	3.6	3.8
Lain-lain	7,614	7,380	8,473	15.0	-3.1	14.8	12.0	11.1	11.8
Jumlah	63,757	66,706	71,737	12.8	4.6	7.5	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	19.1	18.8	18.7						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.


⁴ Termasuk emolumen.

juga digunakan untuk membiayai penstrukturan semula sektor korporat yang sedang dilaksanakan pada masa sekarang.

Selepas kenaikan ketara sebanyak 38.9% dalam tahun 2001, perbelanjaan sektor perkhidmatan sosial menguncup sebanyak 5.5% kepada RM14,535 juta dalam tahun 2002, seperti di Jadual 3.7. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ini masih besar, menyumbang sebanyak 41.1% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Sebahagian besar perbelanjaan ini adalah untuk pembangunan sumber manusia iaitu elemen terpenting dalam menjayakan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Dalam hal ini, penekanan akan terus diberi kepada menaik taraf kemudahan pendidikan sains dan komputer serta pembinaan bangunan sekolah satu sesi dan kolej komuniti.

Perbelanjaan untuk perumahan kekal besar, meningkat sebanyak 48.4%, mencerminkan komitmen teguh Kerajaan untuk menyediakan rumah yang selesa bagi golongan miskin serta untuk anggota tentera, polis dan guru-guru. Daripada jumlah peruntukan perumahan, 48.9% adalah untuk anggota tentera dan kategori lain dalam perkhidmatan awam. Perbelanjaan untuk perkhidmatan kesihatan dijangka berkurangan sedikit, selepas peningkatan ketara dalam tahun 2001. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi kesihatan luar bandar dijangka meningkat dalam tahun 2002 terutama untuk pembinaan dan pemasangan peralatan kesihatan terkini di klinik-klinik, mencerminkan objektif kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan di kawasan luar bandar. Perbelanjaan lain di bawah perkhidmatan kesihatan termasuklah pembinaan dan menaiktaraf hospital. Sementara itu, tumpuan juga diberi untuk mempertingkatkan peluang kawasan-kawasan luar bandar bagi menikmati perkhidmatan sosio-ekonomi seperti bekalan elektrik, bekalan air dan jalan agar jurang di antara kawasan luar bandar dan bandar dapat dikurangkan.

Bagi sektor perkhidmatan ekonomi, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada empat sektor kecil utama iaitu pertanian dan pembangunan luar bandar, infrastruktur dan utiliti, pembangunan industri yang bertumpu kepada pembangunan



JADUAL 3.7

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor
2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Perkhidmatan ekonomi	12,725	14,925	12,693	9.3	17.3	-15.0	36.1	42.2	36.3
Perkhidmatan sosial	15,384	14,535	16,127	38.9	-5.5	11.0	43.7	41.1	46.1
Keselamatan	3,287	3,080	3,063	41.0	-6.3	-0.5	9.3	8.7	8.8
Pentadbiran am	3,839	2,802	3,080	32.7	-27.0	9.9	10.9	7.9	8.8
Jumlah	35,235	35,342	34,963	26.1	0.3	-1.1	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	10.5	9.9	9.1						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

JADUAL 3.8

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Perkhidmatan Sosial
2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Pendidikan	10,363	9,275	9,795	46.0	-10.5	5.6	67.4	63.8	60.7
Kesihatan	1,570	1,316	1,790	23.4	-16.2	36.0	10.2	9.1	11.1
Perumahan	1,268	1,882	2,150	6.2	48.4	14.3	8.2	12.9	13.3
Lain-lain	2,182	2,063	2,392	44.4	-5.5	16.0	14.2	14.2	14.8
Jumlah	15,384	14,535	16,127	38.9	-5.5	11.0	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	4.6	4.1	4.2						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

modal teroka, e-dagang dan perusahaan kecil dan sederhana (SMEs) serta sub-sektor perkhidmatan khususnya pelancongan, seperti di Jadual 3.9. Perbelanjaan infrastruktur sebahagian besarnya adalah untuk pembinaan dan menaiktaraf jalan dan projek landasan keretapi elektrik berkembar. Perbelanjaan bagi bekalan air dan elektrik serta kemudahan awam lain dijangka meningkat dengan ketara sejajar dengan objektif berterusan kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup khususnya bagi masyarakat luar bandar.

Sebahagian besar perbelanjaan bagi sektor kecil perkhidmatan ekonomi/industri, seperti di Jadual 3.10, adalah untuk penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan oleh agensi-agensinya penyelidikan perindustrian seperti Institut Sistem Mikro-Elektronik Malaysia (MIMOS), Institut Piawai Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Taman Teknologi Malaysia. Ini mencerminkan tumpuan Kerajaan terhadap meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan untuk

menyokong daya saing negara. Menyedari kepentingan peranan SMEs dalam menghubungkan sektor-sektor dalam ekonomi, 23.2% daripada perbelanjaan sektor kecil perdagangan dan perindustrian diperuntukkan untuk pembangunan SMEs.

Peningkatan perbelanjaan bagi pertanian dan pembangunan luar bandar, seperti di Jadual 3.11 adalah selaras dengan dasar kerajaan bagi menjana semula sektor pertanian sebagai jentera pertumbuhan ketiga. Bidang yang berpotensi dan diberi penekanan termasuk produk herba dan produk-produk berasaskan pertanian, ikan hiasan dan hortikultur serta pembangunan industri makanan dan makanan halal di mana industri makanan halal ini mempunyai potensi untuk memasuki pasaran antarabangsa yang luas.

Kesan daripada peristiwa 11 September yang lalu telah meningkatkan kesedaran tentang kepentingan dan keperluan mengukuhkan pertahanan dan keselamatan dalam negeri.

JADUAL 3.9

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Perkhidmatan Ekonomi
2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,394	3,040	2,886	17.8	118.1	-5.1	11.0	20.4	22.7
Kemudahan awam	1,092	2,587	1,785	-28.0	136.9	-31.0	8.6	17.3	14.1
Perdagangan dan perindustrian	4,830	5,546	2,517	31.7	14.8	-54.6	38.0	37.2	19.8
Pengangkutan	5,042	3,631	4,892	3.7	-28.0	34.7	39.6	24.3	38.5
Perhubungan	330	53	193	44.6	-83.9	263.5	2.6	0.4	1.5
Lain-lain	37	67	420	-79.4	81.1	526.9	0.3	0.4	3.3
Jumlah	12,725	14,925	12,693	9.3	17.3	-15.0	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	3.8	4.2	3.3						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

JADUAL 3.10

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Program Perdagangan dan Perindustrian 2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Perkhidmatan ekonomi/industri	3,264	3,953	1,315	39.1	21.1	-66.7	67.6	71.3	52.2
Pelancongan	482	304	314	21.4	-36.9	3.2	10.0	5.5	12.5
Perusahaan kecil dan sederhana (SMEs)	1,069	1,289	888	-	20.6	-31.1	22.1	23.2	35.3
Lain-lain	14	-	-	27.3	-	-	0.3	0.0	0.0
Jumlah	4,830	5,546	2,517	31.7	14.8	-54.6	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	1.4	1.6	0.7						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

JADUAL 3.11

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi Program Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar 2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Pertanian	888	2,501	2,556	220.6	181.6	2.2	63.7	82.2	88.6
Pembangunan tanah	162	352	132	62.0	117.3	-62.5	11.6	11.6	4.6
Perikanan	113	99	87	3.7	-12.4	-12.1	8.1	3.3	3.0
Penternakan	42	53	66	-6.7	27.1	23.6	3.0	1.7	2.3
Perhutanan	19	35	43	54.8	85.3	21.5	1.4	1.2	1.4
Lain-lain	169	-	2	40.8	-	-	12.2	0.0	0.1
Jumlah	1,394	3,040	2,886	17.8	118.1	-5.1	100.0	100.0	100.0
% kepada KDNK	0.4	0.9	0.8						

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

Justeru itu, perbelanjaan pertahanan yang ditumpukan kepada peningkatan keupayaan angkatan tentera dan polis dalam menghadapi cabaran-cabaran yang semakin rumit memerlukan tindakan yang berterusan untuk menaik-taraf peralatan ketenteraan dan pengawasan serta pengetahuan dan kemahiran anggota keselamatan untuk mengendalikan peralatan tersebut. Perbelanjaan bagi pentadbiran am dijangka berkurangan sedikit berikutan pembangunan Putrajaya yang hampir siap sementara perbelanjaan ke atas pembinaan infrastruktur ICT untuk menyokong pengkomputeran dan aplikasi e-kerajaan bagi meningkatkan produktiviti dijangka kekal pada tahap yang sama seperti tahun sebelumnya.

Pembiayaan

Kedudukan kredit yang bertambah baik mengurangkan kos pinjaman...

Dengan kedudukan kecairan yang tinggi, Kerajaan terus bergantung kepada sumber dalam negeri untuk keperluan pembiayaannya. Pinjaman kasar

Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2002 dianggarkan berjumlah RM30,245 juta di mana 59.5% adalah daripada sumber dalam negeri, seperti di Jadual 3.12. Setelah mengambil kira bayaran balik pinjaman, jumlah pinjaman bersih adalah RM15,871 juta. Walau bagaimanapun, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak RM22,111 juta kepada RM167,835 juta setelah mengambil kira anggaran kerugian tukaran mata wang asing, pengambilalihan hutang yang ditanggung oleh agensi awam dan entiti yang diswastakan serta pinjaman bersih Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Pada paras ini, tanggungan hutang dijangka mapan dan terurus kerana bayaran khidmat hutang yang rendah pada 14.6% daripada perbelanjaan mengurus.

Pinjaman bersih dalam negeri dijangka berjumlah RM6,082 juta atau 36.2% daripada jumlah keperluan pembiayaan dalam tahun 2002. Seperti pada masa yang lalu, pinjaman bersih dalam negeri dijangka berpunca terutamanya daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) kepada kumpulan wang pencen dan

JADUAL 3.12

Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2001-2002

	RM juta		Bahagian (%)	
	2001	2002	2001	2002
Pinjaman bersih dalam negeri	13,381	6,082	72.6	36.2
Pinjaman kasar	23,500	18,000	77.0	59.5
Terbitan Pelaburan	2,000	3,000	8.5	16.7
Sekuriti Kerajaan	21,500	15,000	91.5	83.3
Tolak: Bayaran balik	10,119	11,918		
Pinjaman bersih luar negara	6,294	9,789	34.2	58.3
Pinjaman kasar	7,029	12,245	23.0	40.5
Pinjaman pasaran	6,385	9,170	90.8	74.9
Pinjaman projek	645	3,075	9.2	25.1
Tolak: Bayaran balik	735	2,456		
Perubahan harta ¹	-1,253	927	-6.8	5.5
Jumlah	18,422	16,798	100.0	100.0


¹ (-) bererti penambahan harta.

insuran. Selain daripada menjadi sumber pembiayaan yang tidak membawa kesan inflasi, kekerapan terbitan SKM juga akan terus meningkatkan kecairan dan pembangunan pasaran bon di Malaysia. Sepanjang tahun ini, Kerajaan Persekutuan dijangka akan menerbitkan semula tiga SKM sedia ada yang berjumlah RM9,000 juta selain daripada satu terbitan baru yang berjumlah RM6,000 juta. Instrumen-instrumen lain yang digunakan untuk mendapatkan pinjaman dalam negeri ialah daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) dan Bil Perbendaharaan (TB). Secara bersih, dijangka tiada pertambahan pinjaman diperolehi daripada TB sementara TPK dijangka meningkatkan jumlah pinjaman bersih sebanyak RM1,000 juta.

Pinjaman bersih luar negara adalah lebih tinggi pada RM9,789 juta, atau 58.3% daripada keperluan pembiayaan dalam tahun 2002. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pinjaman yang diperolehi untuk membiayai penstrukturan semula penerbangan negara dan penubuhan Tabung Modal Teroka untuk pembangunan ICT. Bagi mengambil kesempatan daripada keadaan pasaran yang menggalakkan berikutan kadar faedah yang rendah serta kedudukan kredit Kerajaan yang semakin baik, sebahagian besar daripada pinjaman luar negara diperolehi daripada sumber pasaran di mana kedua-dua bon global konvensional dan bon Islam antarabangsa telah diterbitkan. Pada 5 Mac 2002, bon global berjumlah USD750 juta telah diterbitkan pada 175 mata asas melebihi kadar bil 10 tahun Perbendaharaan AS berbanding dengan terbitan yang sama tahun lepas pada 228 mata asas, mencerminkan peningkatan keyakinan pelabur-pelabur asing. Selaras dengan objektif kerajaan untuk membangunkan perbankan Islam dan merangsang pembangunan kewangan antarabangsa berasaskan prinsip Islam, bon Islam antarabangsa bernilai USD600 juta telah diterbitkan pada 25 Jun 2002 pada 95 mata asas melebihi enam-bulan dollar Kadar Tawaran Antara Bank London (LIBOR). Pinjaman pasaran dijangka menyumbang 74.9% kepada jumlah pinjaman luar kasar dan selebihnya diperolehi melalui pengeluaran pinjaman sedia ada daripada sumber-sumber pelbagai hala dan dua hala.

CARTA 3.6

Bayaran Pokok, Penebusan dan Bayaran Faedah Ke atas Hutang Kerajaan Persekutuan




Hutang

Pengurusan kewangan berhemat dapat mengawal tahap keberhutangan negara...

Pinjaman bersih dalam negeri dan luar negara dijangka meningkatkan hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak 15.2% kepada RM167,835 juta atau 47.1% kepada KDNK, seperti di Jadual 3.13. Hutang dalam negeri meningkat sederhana sebanyak 7.3%, sementara hutang luar negara dijangka meningkat sebanyak 54.5% kepada RM37,578 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh pinjaman untuk membiayai pembangunan infrastruktur ICT, penubuhan Tabung Modal Teroka dan penstrukturan semula syarikat penerbangan negara serta pelaksanaan penstrukturan semula korporat yang lain. Hutang luar negara sebagai peratusan kepada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat

CARTA 3.7

Komposisi Pinjaman Kerajaan Persekutuan pada 2002



JADUAL 3.13


**Hutang Kerajaan Persekutuan
2001-2002**

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2001 ¹	2002 ²	2001	2002	2001	2002
Hutang dalam negeri	121,396	130,257	83.3	77.6	36.3	36.6
Bil Perbendaharaan	4,320	4,320	3.6	3.3	1.3	1.2
Terbitan Pelaburan	4,000	5,000	3.3	3.8	1.2	1.4
Sekuriti Kerajaan	103,450	109,550	85.2	84.1	30.9	30.8
Lain-lain pinjaman dalam negeri ³	9,626	11,387	7.9	8.7	2.9	3.2
Hutang luar	24,328	37,578	16.7	22.4	7.3	10.6
Pinjaman pasaran	17,683	27,223	72.7	72.4	5.3	7.7
Pinjaman projek	6,646	10,355	27.3	27.6	2.0	2.9
Jumlah	145,724	167,835	100.0	100.0	43.6	47.2

¹ Anggaran sebenar.


² Anggaran disemak.

³ Terutama pinjaman bersindiket dari bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia dan pinjaman untuk Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Perbendaharaan.



daripada 16.7% kepada 22.4%, menunjukkan penggunaan sumber pembiayaan luar negara yang lebih besar dalam tahun 2002.

Hutang negara yang merangkumi hutang luar jangka pendek dan jangka panjang bagi Kerajaan Persekutuan, Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) dan sektor swasta kekal rendah walaupun hutang luar Kerajaan Persekutuan meningkat. Ini terutamanya disebabkan oleh bayaran balik bersih hutang PABK dan sektor swasta yang telah membantu menghadkan peningkatan dalam hutang negara. Sebahagian besar hutang negara adalah hutang jangka sederhana dan jangka panjang, dengan hutang jangka pendek menyumbang hanya 14.6% daripada jumlah hutang, seperti di Jadual 3.14. Nisbah rizab antarabangsa kepada hutang jangka pendek, satu ukuran kemampuan rizab untuk membayar balik hutang jangka pendek adalah





4.8 kali pada akhir Julai 2002, mencerminkan amalan dan pengurusan hutang yang berhemat. Nisbah khidmat hutang luar iaitu ukuran bayaran balik pokok dan faedah berbanding eksport negara dijangka kekal rendah pada 5.8%. Di samping itu, nisbah hutang negara kepada KDNK sebanyak 51.7% masih mapan dan meletakkan Malaysia sebagai negara keberhutangan sederhana.

Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri terus mencatat defisit, sebahagian besarnya dibiayai daripada geran Kerajaan Persekutuan...

Kedudukan kewangan disatukan bagi 13 kerajaan negeri dijangka mencatat defisit keseluruhan



JADUAL 3.14

**Hutang Negara
2001-2002**

	RM juta		Bahagian (%)		KDNK (%)	
	2001 ¹	2002 ²	2001	2002	2001	2002
Hutang jangka sederhana dan panjang	149,193	156,973	86.2	85.4	44.6	44.2
Sektor awam	91,743	101,889	53.0	55.4	27.4	28.7
Kerajaan Persekutuan	24,328	37,578	14.0	20.4	7.3	10.6
PABK	67,415	64,311	38.9	35.0	20.1	18.1
Dijamin	10,606	9,535	6.1	5.2	3.2	2.7
Tidak dijamin	56,809	54,776	32.8	29.8	17.0	15.4
Sektor swasta	57,450	55,084	33.2	30.0	17.2	15.5
Hutang jangka pendek	23,974	26,936	13.8	14.6	7.2	7.6
Jumlah	173,167	183,909	100.0	100.0	51.8	51.7

¹ Anggaran sebenar.

² Anggarak disemak.

JADUAL 3.15

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri yang Disatukan
2001-2002

	RM juta		Perubahan (%)	
	2001 ¹	2002 ²	2001	2002
Akaun semasa				
Hasil	8,312	9,940	-19.4	19.6
Perbelanjaan mengurus	5,305	5,644	1.0	6.4
Lebihan semasa	3,007	4,296	-40.6	42.9
Akaun pembangunan				
Perbelanjaan pembangunan kasar	4,870	5,953	-8.9	22.2
Kumpulan wang pembangunan	4,133	4,953	-12.8	19.8
Kumpulan wang bekalan air	737	1,000	21.6	35.7
Terimaan balik pinjaman	166	197	-37.6	18.7
Perbelanjaan pembangunan bersih	4,704	5,756	-7.4	22.4
Baki keseluruhan	-1,697	-1,460		
% kepada KDNK	-0.5	-0.4		

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

sebanyak RM1,460 juta dalam tahun 2002 atau 0.4% kepada KDNK (2001: -RM1,697 juta atau 0.5% kepada KDNK), seperti di Jadual 3.15. Seperti pada masa yang lalu, defisit ini dibiayai sebahagian besarnya melalui geran daripada Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM2,635 juta.

Hasil Kerajaan Negeri yang merangkumi dua komponen utama iaitu hasil daripada punca sendiri dan terimaan bukan hasil dijangka meningkat sebanyak 19.6% kepada RM9,940 juta pada tahun 2002. Hasil daripada punca sendiri, terutamanya hasil bukan cukai, terdiri daripada royalti petroleum, gas dan perhutanan, jualan barangan dan perkhidmatan, dividen dan faedah ke atas pelaburan serta lesen dan permit. Bagi hasil cukai pula, kutipan yang lebih besar berpunca daripada kutipan cukai tanah, cukai berasaskan

tanah dan cukai hiburan. Terimaan bukan hasil yang merangkumi sebahagian besarnya geran dan bayaran ganti daripada Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri kekal seperti pada paras tahun sebelumnya untuk memastikan kerajaan negeri mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi membiayai projek infrastruktur dan kemudahan awam.

Jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan negeri dianggarkan meningkat sebanyak 6.4% kepada RM5,644 juta (2001: RM5,305 juta). Bekalan dan perkhidmatan kekal sebagai komponen terbesar, mewakili 32.2% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Berikutan pelarasan gaji kakitangan awam negeri, perbelanjaan emolument meningkat 7.5% dan mewakili 33% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Sebaliknya, perbelanjaan pembangunan meningkat dengan ketara sebanyak 22.4%. Peningkatan perbelanjaan ini berpunca terutamanya daripada pertambahan dan menaik taraf kemudahan awam, projek bekalan air, infrastruktur, perumahan serta pembangunan pertanian dan luar bandar.

Sektor Kerajaan

Defisit sektor kerajaan sebahagian besarnya berpunca daripada defisit kerajaan negeri dan badan berkanun, di mana sebahagian besar pembiayaannya adalah melalui bayaran pindahan Kerajaan Persekutuan...

Kedudukan kewangan sektor kerajaan disatukan yang merangkumi akaun Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun selepas mengambil kira pindahan di antara kerajaan seperti pemberian dan pinjaman bersih, menunjukkan defisit sebanyak RM16,760 juta atau 4.7% kepada KDNK (2001: RM16,746 juta atau 5.0% kepada KDNK), seperti di Jadual 3.16. Defisit sektor kerajaan ini berpunca terutamanya daripada defisit yang dialami oleh badan berkanun dan kerajaan negeri yang mana sebahagian besar sumber pembiayaan mereka diperolehi daripada pindahan Kerajaan Persekutuan.

JADUAL 3.16

Kedudukan Kewangan Sektor Kerajaan Disatukan
2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003
Akaun semasa						
Hasil	91,633	99,848	105,751	20.6	9.0	5.9
Perbelanjaan mengurus	72,299	76,409	82,134	12.2	5.7	7.5
Baki akaun semasa	19,334	23,439	23,617	67.3	21.2	0.8
Perbelanjaan pembangunan	36,080	40,199	39,600	16.9	11.4	-1.5
Baki keseluruhan	-16,746	-16,760	-15,983	-13.3	0.1	-4.6
% kepada KDNK	-5.0	-4.7	-4.2			

¹ Anggaran sebenar.² Anggaran disemak.³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.Perusahaan Awam Bukan
Kewangan (PABK)

Walaupun menghadapi persekitaran perniagaan yang mencabar, PABK terus mencatat peningkatan ketara dalam lebih keseluruhan...

PABK, sebagai satu kumpulan, terus menunjukkan prestasi yang baik dalam tahun 2002 walaupun menghadapi persekitaran luar yang semakin mencabar, dengan lebih keseluruhan dijangka mencatat peningkatan ketara sebanyak 44.6% kepada RM13,616 juta (2001: RM9,414 juta), seperti di Jadual 3.17. PABK terus memainkan peranan penting dalam ekonomi khususnya dalam pembangunan sumber asli dan penyediaan kemudahan awam.

Hasil PABK yang disatukan meningkat sebanyak 5.5% kepada RM110,902 juta berpunca daripada permintaan kukuh yang berterusan terhadap perkhidmatan telekomunikasi dan kemudahan awam, sementara prestasi sektor yang berkaitan

JADUAL 3.17

Kedudukan Kewangan PABK
yang Disatukan¹
2001-2002

	RM juta		Perubahan (%)	
	2001 ³	2002 ⁴	2001	2002
Hasil	105,075	110,902	-9.0	5.5
Perbelanjaan semasa	65,918	71,750	-8.1	8.8
Pendapatan tertanggung	39,157	39,152	-10.4	0.0
% kepada KDNK	11.7	11.0		
Perbelanjaan pembangunan ²	29,743	25,536	27.3	-14.1
Baki keseluruhan	9,414	13,616	-53.7	44.6
% kepada KDNK	2.8	3.8		

¹ Merujuk kepada 36 PABK.² Termasuk pemberian daripada Kerajaan Persekutuan.³ Sebenar.⁴ Anggaran.

dengan minyak dan gas, seperti yang ditunjukkan oleh hasil PETRONAS, mencatatkan pencapaian yang baik berbanding dengan hasil tahun sebelumnya.

Perbelanjaan semasatelah meningkat sebanyak 8.8% dengan siapnya beberapa projek pembangunan yang mula beroperasi dalam tahun 2002. Di samping itu, usaha yang berterusan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik melalui penstrukturan semula organisasi dan kajian semula sistem operasi turut menyumbang kepada peningkatan di dalam perbelanjaan mengurus.

Perbelanjaan pembangunan, sebaliknya berkurangan sebanyak 14.1%, disebabkan oleh projek-projek pembangunan utama di luar negara telah disiapkan pada 2001. Walaupun perbelanjaan pembangunan lebih rendah, tumpuan adalah terhadap program pemodenan, menaik taraf dan pelaburan luar negara yang bertujuan untuk mencari peluang pertumbuhan baru dan meningkatkan pendapatan. Dalam hal ini, walaupun sebilangan daripada projek-projek pembangunan tersebut telah siap, masih banyak lagi berada dalam peringkat pelaksanaan seperti pembinaan kapal-kapal pengangkut Gas Asli Cecair (LNG) untuk Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan kontrak perkongsian pengeluaran untuk pembangunan LNG. Projek-projek pembangunan PETRONAS yang lain termasuklah pembangunan kampus tetap Universiti Teknologi PETRONAS secara berperingkat di Tronoh, Perak. Bagi Tenaga Nasional Berhad (TNB) pula, sebahagian besar perbelanjaan pembangunannya adalah untuk meningkatkan dan menaik taraf rangkaian penghantaran dan penjanaan kuasa. Projek-projek utama termasuklah Stesen Janakuasa Jenariang, Pemulihan Stesen Janakuasa Port Dickson Fasa I dan stesen kecil Jalan Pantai dan Sentul Raya. Bagi Telekom Malaysia Berhad (TMB), tumpuan perbelanjaan pembangunan adalah untuk terus menaik taraf dan merasionalisasikan sektor telekomunikasi. Perbelanjaan pembangunan bagi Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. masih tinggi disebabkan projek-projek yang dalam pelaksanaan untuk membangunkan pusat pentadbiran Persekutuan baru di Putrajaya.

Sektor Awam Disatukan

Defisit keseluruhan sektor awam disatukan yang lebih rendah berpunca daripada perbelanjaan pembangunan PABK yang lebih rendah...

Kedudukan kewangan sektor awam disatukan, yang terdiri daripada akaun Sektor Kerajaan dan PABK selepas mengambilkira pindahan dan pinjaman bersih, terus mencatat lebihan di dalam akaun semasa walaupun PABK mencatat pertumbuhan yang lebih rendah dalam lebihan akaun semasa. Peningkatan dalam hasil yang disatukan serta perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah oleh PABK dijangka menyebabkan kedudukan kewangan sektor awam disatukan mengalami defisit keseluruhan yang lebih rendah pada RM3,737 juta atau 1.3% kepada KDNK (2001: RM7,143 juta atau 2.1% kepada KDNK), seperti di Jadual 3.18.

Tinjauan Fiskal 2003

Dasar fiskal memberi penekanan ke arah konsolidasi di samping memberi tumpuan kepada pendidikan dan pembangunan luar bandar...

Dengan jangkaan prospek pertumbuhan ekonomi yang kukuh dalam tahun 2003, objektif keseluruhan Kerajaan adalah untuk mengurangkan peranannya dalam ekonomi secara langsung yang telah diamalkan sejak krisis kewangan pada tahun 1997. Ini membolehkan Kerajaan terus melaksanakan konsolidasi fiskal untuk memberi fleksibiliti dalam menggubal dasar fiskal sekiranya berlaku sebarang krisis. Dengan demikian, defisit Kerajaan Persekutuan di dalam Belanjawan 2003 dijangka menurun kepada 3.9% kepada KDNK (2002: 4.7% kepada KDNK), seperti di Jadual 3.1.

Teras Belanjawan 2003 mencerminkan peranan Kerajaan untuk menyokong dan memperingkatkan sektor swasta sebagai pemangkin pertumbuhan yang dinamik dan berdaya saing, mempelbagaikan sumber-sumber pertumbuhan, khususnya bidang tertentu dalam sektor perkhidmatan dan pertanian. Peranan Kerajaan

JADUAL 3.18

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan
2001-2003

	RM juta			Perubahan (%)		
	2001 ¹	2002 ²	2003 ³	2001	2002	2003
Hasil ⁴	91,633	99,848	105,751	20.6	9.0	5.9
Perbelanjaan mengurus	72,299	76,409	82,134	12.2	5.7	7.5
Lebihan semasa PABK	38,958	38,880	40,514	-5.5	-0.2	4.2
Lebihan semasa sektor awam	58,292	62,319	64,131	10.5	6.9	2.9
Perbelanjaan	65,435	66,056	62,694	29.7	0.9	-5.1
Sektor kerajaan ⁵	35,692	40,520	39,880	31.8	13.5	-1.6
PABK	29,743	25,536	22,814	27.3	-14.1	-10.7
Baki keseluruhan	-7,143	-3,737	1,437			
% kepada KDNK	-2.1	-1.1	0.4			

¹ Anggaran sebenar.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Belanjawan, tidak mengambil kira perubahan cukai baru tahun 2003.

⁴ Tidak termasuk bayaran pindahan di antara sektor kerajaan.

⁵ Perbelanjaan pembangunan berbeza dengan perbelanjaan pembangunan di Jadual 3.16 disebabkan bayaran pindahan dan pinjaman bersih.

dalam hal ini adalah untuk membina dan memperkukuhkan persekitaran yang menggalakkan sektor swasta bersaing dan berdaya maju di dalam dan luar negara. Oleh itu, perbelanjaan ke atas pembangunan sumber manusia dan latihan, penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan berterusan PKS, pertanian dan perkhidmatan akan diberi penekanan.

Peruntukan mengurus meningkat sebanyak 7.5% kepada RM71,737 juta, kebanyakannya untuk membayar emolumen, bekalan dan perkhidmatan dan pindahan. Adalah dianggarkan sebanyak 46.5% daripada jumlah emolumen adalah untuk gaji guru, jururawat dan doktor yang merupakan elemen terpenting dalam usaha pembangunan sumber manusia. Perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan terus meningkat berikutan peningkatan dalam pembayaran sewa bangunan di Putrajaya yang telah siap dan diduduki serta untuk membekalkan peralatan kepada projek baru yang telah siap dan akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2003 seperti 283 buah sekolah, 20 buah asrama, 20 kolej komuniti, institut-institut latihan kemahiran yang

sebahagian besarnya di bawah pengendalian MARA, lapar buah hospital baru, balai polis, depoh imigresen dan balai bomba. Semua projek ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan bagi membangunkan tenaga kerja yang berkemahiran, meningkatkan lagi tahap kesihatan awam dan memperbaiki penyampaian perkhidmatan awam. Selain itu, pemberian geran kepada badan berkanun, terutamanya institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) juga menyumbang kepada peningkatan ketara perbelanjaan mengurus. Pemberian geran ini meliputi dua buah kolej universiti baru iaitu Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dan Kolej Universiti Kejuruteraan Teknologi Malaysia (KUKTEM). Di samping itu, sebahagian besar perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM3,936 juta akan disediakan untuk pembayaran subsidi bagi produk petroleum, beras dan baja, makanan serta buku teks.

Peruntukan pembangunan dijangka menurun sedikit iaitu 1.1% kepada RM34,963 juta selaras dengan dasar konsolidasi fiskal. Seperti tahun-tahun yang lalu, penekanan akan terus diberikan kepada sektor perkhidmatan sosial dan ekonomi

dengan pendidikan dan pembangunan luar bandar diberi tumpuan utama. Sebanyak 46.1% daripada peruntukan pembangunan adalah untuk sektor perkhidmatan sosial dan 36.3% untuk sektor perkhidmatan ekonomi.

Di bawah sektor perkhidmatan sosial, keutamaan yang tinggi diberi kepada pendidikan dan latihan yang mencerminkan usaha kerajaan ke arah pembangunan sumber manusia untuk meningkatkan kualiti tenaga kerja. Projek pembangunan utama bagi pendidikan dan latihan adalah untuk pembinaan sekolah, khususnya sekolah rendah dan menengah, institusi matrikulasi, politeknik, kolej komuniti dan kuarters guru. Di samping itu, projek pengkomputeran sekolah, infrastruktur dan kemudahan untuk IPTA juga termasuk dalam peruntukan tersebut.

Keutamaan juga diberi kepada sektor kesihatan selaras dengan usaha berterusan kerajaan bagi memperbaiki kualiti perkhidmatan perubatan dan kesihatan awam serta mempromosi industri pelancongan kesihatan. Projek pembangunan yang besar meliputi pembinaan 25 buah hospital baru, pengubahsuaian dan menaik taraf hospital sedia ada serta pembinaan 383 buah klinik kesihatan di kawasan luar bandar. Di antara hospital-hospital yang sedang dalam pembinaan adalah di Serdang, Sungai Buloh, Sungai Petani dan Lahad Datu. Di samping itu, Sistem Maklumat Hospital Menyeluruh (THIS) akan terus dilaksanakan di beberapa buah hospital untuk meningkatkan pengurusan maklumat kesihatan.

Di samping peruntukan yang disediakan di bawah sektor perkhidmatan sosial, terdapat juga peruntukan di bawah sektor perkhidmatan ekonomi yang ditumpukan bagi mencapai matlamat sosial dan memberi manfaat kepada penduduk di kawasan luar bandar seperti bekalan elektrik dan air, jalan dan infrastruktur lain. Sebahagian daripada projek infrastruktur utama yang akan memberi manfaat kepada penduduk luar bandar termasuk pembinaan Lebuh raya Pantai Timur, jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang, Tanjung Kidurong-Suai-Kuala Niah- Kuala Sibuti-Bakam dan Semporna-Kunak.

Peruntukan sebanyak RM2,150 juta disediakan bagi perumahan. Ini termasuk sejumlah RM1,426 juta bagi membiayai pembinaan kuarters Angkatan Tentera dan Polis serta untuk kakitangan Kerajaan yang lain. Di samping itu, sejumlah RM993 juta disediakan bagi projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), mencerminkan hasrat Kerajaan untuk mencapai "setinggalan sifar" di Wilayah Persekutuan dan bandar-bandar utama di Malaysia. Selain itu, sebanyak RM83.6 juta juga disediakan sebagai pinjaman kepada kerajaan negeri bagi meneruskan pembinaan 79,800 unit rumah di bawah projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) di kawasan luar bandar dan bandar.

Peruntukan pembangunan bagi sektor perkhidmatan ekonomi akan terus memberi penekanan kepada perindustrian, infrastruktur dan pertanian serta pembangunan luar bandar. Bagi pembangunan industri, tumpuan diberi kepada pembiayaan pembangunan IKS di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Satu lagi sektor kecil yang utama di bawah perkhidmatan ekonomi adalah pengangkutan yang mana pembinaan dan menaik taraf jalanraya utama serta landasan keretapi elektrik berkembar adalah antara projek-projek utama. Di antara jalan-jalan utama yang akan dinaiktaraf dan diperbaiki adalah Kapar-Sabak Bernam, Klang-Banting, Muar-Melaka-Alor Gajah-Simpang Ampat dan Kuala Kangsar-Grik. Jumlah peruntukan bagi pembinaan, menaik taraf dan pembaikan jalan, lebuh raya serta jambatan bagi tahun 2003 berjumlah RM2,969 juta. Bagi projek landasan berkembar elektrik Rawang-Ipoh, peruntukan sebanyak RM1,041 juta telah disediakan.

Usaha berterusan bagi mempromosi **pelancongan** juga diberi perhatian di bawah sektor perkhidmatan ekonomi. Pada 2003, pelbagai pendekatan diambil, termasuk kempen Malaysia Truly Asia dan mempromosi Malaysia sebagai destinasi persidangan dan acara antarabangsa serta usaha berterusan untuk mempromosi pelancongan berasaskan ekologi, kesihatan dan pendidikan.